

Cahaya Mata Melabur RM673 Juta untuk Meningkatkan Kapasiti Pengeluaran Melalui Clinker Line 2

MAMBONG, Sarawak, 18 Disember 2025 – Cahya Mata Sarawak Berhad (“Cahaya Mata” atau “Kumpulan”), menerusi anak syarikat milik penuhnya, **Cahaya Mata Cement Sdn Bhd**, hari ini mengadakan majlis pecah tanah bagi pembinaan Clinker Line 2 di Mambong yang melibatkan pelaburan berjumlah RM673 juta.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh **YAB Datuk Patinggi Tan Sri Dr Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak**.

Kemudahan baharu ini akan mempunyai kapasiti pengeluaran sebanyak **6,000 tan metrik sehari**, sekali gus meningkatkan jumlah pengeluaran klinker tahunan Cahya Mata Cement daripada **900,000 tan metrik** kepada **1.9 juta tan metrik**.

Pengembangan ini dijangka memperkukuh daya tahan bekalan simen di Sarawak serta mengurangkan kebergantungan kepada import, selari dengan strategi Cahya Mata untuk memodenkan keupayaan pengeluarannya.

Pengarah Urusan Kumpulan Cahya Mata, **Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman Abdul Taib** berkata, “Pelaburan ini menjadi tunjang utama bagi Cahya Mata untuk memacu ke fasa pertumbuhan seterusnya. Pembinaan *Clinker Line 2* membolehkan Kumpulan beroperasi dengan kecekapan yang lebih tinggi, mengadaptasi teknologi yang lebih bersih serta memperluas kapasiti pengeluaran selari dengan hala tuju pembangunan jangka panjang Sarawak.”

Clinker Line 2 akan dilengkapi teknologi moden dan cekap tenaga, termasuk **Sistem Pemulihan Haba Buangan (Waste Heat Recovery System, WHRS)** yang berupaya menjana sehingga enam megawatt **tenaga bersih**, selain **sistem penapisan habuk termaju** yang mampu mengurangkan pelepasan ke tahap di bawah separuh daripada had peraturan sedia ada.

SIARAN MEDIA

Untuk Edaran Segera



Penggunaan teknologi ini dijangka meningkatkan kecekapan operasi serta mengurangkan jejak alam sekitar operasi simen Kumpulan.

Kerja-kerja pembinaan dijangka mengambil masa selama 2 tahun, dengan disasarkan pada suku kedua tahun 2027.

Apabila beroperasi sepenuhnya kelak, fasiliti ini akan membekalkan klinker kepada loji pengisaran *Cahaya Mata Cement* di seluruh Sarawak, sekali gus mengukuhkan sistem pengeluaran bersepadu Kumpulan.

Projek ini dikendalikan oleh Sinoma Industry Engineering (M) Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh kepada Tianjin Cement Industry Design & Research Institute (TCDRI), China, yang dilantik sebagai kontraktor Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan dan Pentauliahan (EPCC) bagi projek berkenaan.

Sepanjang fasa pembinaan, projek ini dijangka mewujudkan sehingga 500 peluang pekerjaan, selain menjana kesan limpahan ekonomi kepada kontraktor, penyedia logistik dan perusahaan tempatan di kawasan Padawan dan Kuching.

Cahaya Mata Cement telah beroperasi di Sarawak sejak tahun 1974 dan kini mengendalikan tiga loji pengisaran simen di Kuching dan Bintulu, selain terminal pengedaran di Sibuan dan Miri.

TAMAT

SIARAN MEDIA

Untuk Edaran Segera



Mengenai Cahya Mata Sarawak Berhad

Cahya Mata Sarawak Berhad (CMSB: KLSE) merupakan sebuah syarikat tersenarai awam yang terkemuka dan berteraskan kepelbagaian, disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia. Sepanjang lebih 50 tahun penubuhannya, Kumpulan ini telah memainkan peranan penting sebagai pemacu pembangunan ekonomi Sarawak, berkembang daripada pengeluar simen pertama negeri kepada sebuah syarikat induk dinamik dengan portfolio melebihi 40 buah syarikat operasi.

Sebagai satu-satunya pengeluar simen di Sarawak, Cahya Mata mengekalkan kedudukan peneraju pasaran yang kukuh dalam industri pembinaan dan infrastruktur. Portfolio teras ini diperkukuhkan melalui pelaburan strategik dalam sektor-sektor berpotensi tinggi, termasuk peralatan minyak dan gas, fosfat serta pembangunan hartanah.

Kumpulan turut memiliki pelaburan strategik utama dalam sektor perkhidmatan kewangan dan infrastruktur telekomunikasi, yang mencerminkan komitmen berterusan Cahya Mata terhadap kepelbagaian perniagaan jangka panjang serta penciptaan nilai yang mampan.

Seiring perluasan jejak antarabangsa, operasi Cahya Mata kini merangkumi Malaysia, Singapura, Indonesia, Timur Tengah, India, Nigeria dan Rusia, khususnya dalam segmen perkhidmatan sokongan industri minyak dan gas.

Dikeluarkan oleh Cahya Mata Sarawak Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cahyamata.com

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Kevin Tan | +6012 700 1666 | kevin.tan@sprg.com.my

Jason Lee | +6019 889 1988 | jasonl@cahyamata.com

Fatin Johaniz | +6012 270 7107 | fatinjohaniz@cahyamata.com